

Newspaper	Utusan Melayu
Date	16/08/2017

Agenda Dr. M lagakan rakyat

um - 16/8/2017 pg. 13

KUALA LUMPUR 15 Ogos - Kekecohan yang tercetus semasa Forum *Nothing To Hide 2.0* kelmarin dipercayai merupakan agenda Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk melaga-lagakan perpaduan rakyat di negara ini.

Bekas Setiausaha Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Kamarul Azman Habibur Rahman berkata, sebagai seorang yang begitu masak dengan dunia politik tanah air, Dr. Mahathir pastinya arif bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tidak mungkin hadir ke forum tersebut justeru, tidak perlu program itu diteruskan.

Menurutnya, sehubungan itu, amat jelas bahawa forum berkenaan diadakan bertujuan menimbulkan kekecohan yang kemudiannya dipalitkan sebagai angkara jahat pemimpin UMNO.

"Pada pandangan saya, dari awal lagi Forum *Nothing To Hide 2.0* diadakan bagi menimbulkan kekecohan dan kemusnahan. Sebab utama saya keluar parti kerana tidak mahu terlibat sama dalam agenda politik kemusnahan seperti ini yang lebih bersifat peribadi.

"Kekecohan berkenaan merupakan amaran awal kepada semua pihak. Kalau tidak dibendung kemarahan Dr. Mahathir pasti lebih banyak kemusnahan berlaku kepada negara," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Kamarul Azman menjelaskan, bagi mengurangkan pengaruh Pengerusi PPBM itu, rakyat diingatkan supaya berfikiran matang dengan menolak tanggapan bahawa Dr. Mahathir seorang yang tidak pernah melakukan kesalahan serta sempurna dalam setiap tindakan.

Tegas beliau, rumusan kepada kejadian kelmarin adalah Dr. Mahathir perlu dipersalahkan atas kekecohan tersebut dan bukannya menyalahkan pihak lain.

"Kita sama ada pemimpin atau masyarakat sepatutnya sudah berada pada tahap politik matang dan tidak perlu rasanya untuk mengheret rakyat dalam hal-hal melibatkan perkara peribadi.

"Dr. Mahathir juga perlu dipersalahkan kerana lari daripada menjawab soalan seperti menyifatkan kes Datuk Seri Anwar Ibrahim merupakan perkara lama dan tidak perlu diingatkan kembali. Perkara itu sebenarnya menimbulkan kemarahan ramai," katanya.



**KAMARUL AZMAN
HABIBUR RAHMAN**